

10/01/2004

Tiga faktor jadi bukti: Najib (HL)

Kalimullah Hassan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak, yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri tiga hari lalu, menggariskan tiga faktor sebagai bukti beliau akan terus memberikan kesetiaan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Pertamanya ialah saya sentiasa ingat bahawa saya adalah nombor dua dan perlu setia kepada ketua. Kedua, saya juga mengingatkan penyokong saya supaya jangan cuba mempunyai agenda besar.

"Ketiga, saya menasihatkan mereka yang fikir boleh memecahkan hubungan saya dengan Abdullah supaya melupakan hasrat itu kerana mereka tidak akan berjaya," katanya dalam satu pertemuan dengan Berita Harian di kediamannya di Jalan Langgak Duta, semalam.

Ini adalah temu ramah pertama yang diberikan Najib kepada media sejak diumumkan secara rasmi oleh Abdullah sebagai timbalannya pada Rabu lalu.

Dalam pertemuan itu, Najib yang berkemeja-T, dan diselangi panggilan telefon daripada penyokongnya untuk mengucapkan tahniah, dengan tenang dan berterus terang menjawab soalan mengenai hubungannya dengan Abdullah, yang kedua-duanya sebelum ini dianggap sebagai saingan.

Selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti pada 1998, Abdullah dan Najib sebagai Naib Presiden Umno kanan ketika itu dianggap sebagai calon paling layak bagi jawatan nombor dua.

Bagaimanapun, pada Januari 1999, Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad memilih Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri, menyebabkan ramai penyokong Najib kecewa.

Mengumpamakan pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri sebagai 'bermulanya hubungan yang indah' dengan Perdana Menteri, Najib berkata, perkara pertama yang dikatakannya kepada media selepas pengumuman itu ialah beliau akan setia kepada Abdullah.

Sambil menolak anggapan kononnya beliau dan Abdullah dulu adalah saingan, Najib berkata beliau tidak pernah mengambil mudah terhadap sesuatu perkara.

"Saya berharap Datuk Seri Abdullah menaruh keyakinan kepada saya sebagai timbalannya. Saya sentiasa memandangnya dengan penuh hormat. Kemesraan dan keikhlasan yang ditunjukkannya memberi keyakinan kepada saya bahawa beliau amat ikhlas dalam apa juga yang dilakukannya.

"Saya akan bekerja keras untuknya kerana kita mahu meletakkan Malaysia di peta dunia. Saya sudah berasakan kepercayaan kepada saya dan ia wujud dalam hubungan kami," katanya.

Najib berkata, beliau juga akan bekerja keras bagi memastikan agenda yang digariskan Perdana Menteri baru-baru ini mencapai kejayaan.

"Tanggungjawab saya ialah menjayakan agenda beliau. Itu adalah tugas utama Timbalan Perdana Menteri," tegasnya.

Beliau berkata, mereka yang mengkaji sejarah politik Malaysia tentu sedar betapa besarnya bencana yang berpunca daripada perbalahan antara Perdana Menteri dengan timbalannya.

"Saya mahu membuang sebarang anggapan bahawa ia akan berlaku di antara Perdana Menteri dan saya. Negara memerlukan rakan kongsi yang kukuh dan berkesan. Jika hubungan tegang, ia adalah petanda awal perpecahan," katanya sambil mengulangi beliau memberikan sepenuh kesetiaan kepada Abdullah.

Selepas Abdullah menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober tahun lalu berikutan persaraan Dr Mahathir, calon yang dianggap paling layak ialah

Najib selaku Naib Presiden Umno paling kanan dan Menteri Pertanian, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Naib Presiden Umno kedua.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib tidak termasuk dalam saingan bagi jawatan nombor itu kerana beliau bukan Ahli Parlimen.

Walaupun Dr Mahathir mulanya berpendapat Najib adalah pilihan terbaik untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri, beliau kemudiannya berkata Abdullah sebagai Perdana Menteri berhak memilih siapa saja yang difikirkan boleh membantunya.